

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 6 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 25**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1143-L4115  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sehingga Oktober 2007, berapa banyakkah syarikat jualan langsung yang telah didakwa dan nilai barangan yang disita kerana menganjurkan peraduan gores dan menang, serta yang melanggar Akta Jualan Langsung 1993.
2. PN-1143-L3839  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa peratus projek-projek di bawah RMK-9 telah ditenderkan dan berapa peratus telah dimulakan kerja.
3. PN-1143-L4493  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan terhadap vandalisme yang dilakukan terhadap tempat-tempat awam sebagai contoh tulisan conteng, semburan warna dan pelekat-pelekat iklan yang tidak berlesen.
4. PN-1143-L3701  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimanakah sambutan untuk Sekolah Menengah Teknik setakat ini dan berapakah peratus pelajar dari sekolah aliran ini yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti Politeknik ataupun ke Universiti Teknikal Malaysia.
5. PN-1143-L4464  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Perjanjian Dua Hala yang semakin banyak ditandatangani oleh negara-negara di dunia akhirnya akan menghakis kewajaran sistem perdagangan multilateral dan menjadikannya tidak kurang relevan. Di manakah letaknya kekuatan WTO dalam landskap ini.

6. PN-1143-L4028  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat mewajibkan Badan-badan Berkanun mengamalkan "Corporate Governance" dan "Best Practices" seperti dibuat terhadap Government Linked Companies (GLC).
7. PN-1143-L4441  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
  - (a) mengapakah tulisan jawi yang melambangkan jati diri, kebanggaan dan martabat orang Melayu dan secara tidak langsung tulisan jawi juga melambangkan syiar Islam di Malaysia semakin kurang penggunaannya termasuk dalam sektor pendidikan sendiri; dan
  - (b) mengapakah penggunaan tulisan jawi ini hanya terhad di peringkat sekolah rendah dan aliran agama sahaja dan bukan sebagai mata pelajaran teras kepada semua pelajar Melayu yang beragama Islam. Kenapa tidak diberi tempat di Institusi Pendidikan Tinggi negara.
8. PN-1143-L3880  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah UiTM yang ditubuhkan untuk pelajar-pelajar Bumiputera telah dibuka untuk pelajar-pelajar bukan Bumiputera dan asing bagi pengajian peringkat Sarjana dan Phd dan apakah rasional dasar Kementerian dalam perkara ini.
9. PN-1143-L3697  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan baru-baru ini terdapat laporan mengenai "lead content" yang berlebihan dalam kebanyakan barang permainan kanak-kanak di pasaran. Perkara ini tidak harus berlaku memandangkan negara mempunyai undang-undang bagi membendung daripada berlakunya perkara seumpama ini. Adakah Kementerian bercadang membuat kajian tentang sejauh mana kesihatan rakyat, khususnya kanak-kanak di Malaysia, telah dicemari dengan bahan "lead" ini.
10. PN-1143-L3852  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah kes mengikut negeri yang dikendalikan oleh PERKESO berbanding nisbah pencarumannya dan jumlah kes yang berjaya diselesaikan.
11. PN-1143-L4303  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kerangka strategi Kementerian untuk memastikan pembangunan sukan di akar umbi tidak terjejas terutamanya dalam mengatasi masalah ketandusan bakat atau kurangnya pemimpin yang berkaliber di peringkat pertubuhan sukan dalam usaha untuk membangun sukan di tanah air kita.

12. PN-1143-L4239  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada peraturan baru untuk mewajibkan semua pekilang ubat-ubatan membuat pembungkusan maksima tidak akan mengakibatkan kenaikan harga ubat-ubatan.
13. PN-1143-L3936  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian di bawah Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang merupakan satu program praktikal untuk melahirkan golongan pelajar bersatu padu daripada pelbagai aliran dalam usaha kita membina sebuah negara bangsa yang utuh dan di berapa buah sekolah program ini telah diperkenalkan.
14. PN-1143-L4328  
**Dato' Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah masih terdapat anggota polis di semua peringkat yang sedang menjalani siasatan terhadap kes rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penglibatan di dalam pelbagai jenayah termasuklah penyalahgunaan dadah.
15. PN-1143-L3809  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan PATI memandangkan kesan-kesan sosial negatif yang dibawa oleh mereka di negara ini sebagaimana yang dilaung-laungkan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.
16. PN-1143-L4450  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah yang digunakan Bank Negara untuk mempercepat dan mempermudah kemasukan dana asing ke Malaysia, terutama menerusi FDI di dalam menarik perhatian pelabur asing, namakan sektor-sektor yang menarik minat mereka dan berapakah jumlah pelaburan luar yang telah dinikmati Malaysia sepanjang tahun ini.
17. PN-1143-L3766  
**Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah sistem kuota kaum akan diamalkan untuk pengambilan pegawai-pegawai polis pada masa akan datang.
18. PN-1143-L4313  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Malaysia telah menandatangani United Nations Conventions on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) dan apakah isu-isu utama yang melambatkan proses untuk menandatangani CRPD ini.

19. PN-1143-L4195  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah sistem tender dan sebut harga di pejabat-pejabat JKR daerah dipantau. Apakah sistem sekarang ini efektif dan telus. Berapa ramai kakitangan JKR yang dikenakan tindakan tatatertib kerana rasuah sepanjang tahun 2007.
20. PN-1143-L4125  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan enggan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Lingam Tape dan bagi menambahbaikkan sistem kehakiman di Malaysia.
21. PN-1143-L4402  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang jumlah kegunaan Beta Agonist sebagai ubat haram untuk industri ternakan khinzir di negara ini selepas ianya diharamkan oleh Kementerian dan nyatakan pihak-pihak yang telah diambil tindakan.
22. PN-1143-L3751  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kadar kematian ibu dan bayi ketika bersalin dan apakah pendekatan Kerajaan bagi memastikan tiada kematian berlaku semasa bersalin di masa akan datang.
23. PN-1143-L4343  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang membanjiri Malaysia sejak tiga tahun kebelakangan ini dan nyatakan pecahan pekerja asing mengikut profesion pekerjaan mereka.
24. PN-1143-L3847  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes rasuah yang telah disiasat dan dihadapkan ke mahkamah kesan daripada Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini.
25. PN-1143-L4274  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan selepas turut mengalami gegaran akibat beberapa siri gempa bumi yang melanda Indonesia, mungkin sudah tiba masanya industri pembinaan di Malaysia juga mengambil langkah tertentu bagi menghadapi kesan bencana alam tersebut. Apakah pandangan Kementerian terhadap cadangan ini.
26. PN-1143-L4215  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peranan tabung bantuan kesihatan D'tik Yayasan Kebajikan Negara. Apakah jaminan dana ini mencukupi dan diurus secara efektif untuk golongan berpendapatan rendah.

27. PN-1143-L4352  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa yang akan dilakukan untuk memastikan Badan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia dan RELA senantiasa mendapat keyakinan rakyat sepenuhnya.
28. PN-1143-L4070  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jenis dan bilangan jenayah ke atas kanak-kanak dan wanita sejak tahun 2005. Apakah tindakan Kementerian sehingga kini dalam membendung jenayah terhadap kanak-kanak dan kaum wanita.
29. PN-1143-L4007  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis-jenis tanaman yang membawa pulangan yang paling baik kepada petani-petani pada masa ini.
30. PN-1143-L4154  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan ciri-ciri keselamatan dalam reka bentuk Smart Tunnel di Kuala Lumpur, dan selepas terowong itu digunakan orang ramai, apakah kelemahan-kelemahan ciri keselamatan yang dialami dan tindakan-tindakan susulan dan pembetulan yang diambil.
31. PN-1143-L3898  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawī** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha untuk memberi pendidikan kepada petani khususnya untuk menambah nilai agar mengguna pakai teknik dan penghasilan produk pertanian bertaraf eksport dan meningkatkan imej dan jati diri petani terutama petani Bumiputera.
32. PN-1143-L4476  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan setakat ini berapakah jumlah import terutama makanan dan mengapa ianya masih belum dapat dikurangkan sedangkan Kerajaan telah memberi pelbagai insentif kepada syarikat tempatan di dalam menjayakan agenda pertanian baru negara, terutama di dalam sektor makanan.
33. PN-1143-L3779  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditahan di pusat-pusat tahanan di seluruh negara.
34. PN-1143-L4092  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan berpuas hati dengan perkhidmatan polis sejak laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Perkhidmatan Polis dibuat dan apakah kesan dari pelaksanaan cadangan Suruhanjaya tersebut.

35. PN-1143-L4483  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program belia sekarang ini yang menggunakan konsultan dan persatuan hanya diminta mencari peserta sahaja. Soalnya bagaimana persatuan dapat belajar mengurus program kalau semuanya diurus oleh konsultan dan apa keuntungan yang akan diperoleh oleh persatuan.
36. PN-1143-L4221  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan dan strategi yang akan diambil bagi memastikan sistem subsidi yang melibatkan perbelanjaan Kerajaan sejumlah RM35 bilion setahun dapat dinikmati oleh golongan yang disasarkan memperoleh faedahnya berbanding dengan sistem subsidi yang sedia ada tidak begitu adil antara yang berada dengan yang tidak berada.
37. PN-1143-L4096  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor-faktor yang mendorong dan menghalang pencapaian 30 peratus kaum wanita memegang jawatan utama dan jawatan pembuat keputusan dalam Kerajaan.
38. PN-1143-L4367  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana kejayaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) ke atas isi keluarga miskin tegar di seluruh negara.
39. PN-1143-L4297  
**Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dari segi ekonomi, sejauh manakah kita dapat menguasai pasaran global dari 1.8 bilion masyarakat Islam seluruh dunia mengenai keberkesanan logo Halal yang dipromosikan di negara ini serta penerimaan masyarakat antarabangsa terhadap status penggunaan produk Halal.
40. PN-1143-L4479  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan program khusus yang akan dilaksanakan dalam program bantuan kewangan yang sedia ada bagi memudahkan lebih ramai memperoleh pinjaman untuk perniagaan dan keusahawanan seperti yang tersurat dalam Bab 13 RMK-9.
41. PN-1143-L4065  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan punca kelemahan sistem perhubungan awam sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dan tidakkah Kementerian mengkaji perlunya ada laluan kereta api laju bawah tanah (MTR) seperti di Korea, Jepun dan Hong Kong.

42. PN-1143-L3729  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa ramaikah pelatih PLKN yang tidak hadir ke kem latihan dan telah diambil tindakan oleh mahkamah.
43. PN-1143-L4418  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) telah ditubuhkan di setiap peringkat komuniti di seluruh negara, terutama berikutan meningkatnya kes-kes jenayah seksual kanak-kanak sejak kebelakangan ini.
44. PN-1143-L3824  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan hasil kajian dan pendirian Kementerian untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda masing-masing.
45. PN-1143-L3954  
**Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah anggota polis kaum India yang sedang berkhidmat di Jabatan Polis dan berapakah jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan kepada anggota polis keturunan India sejak tahun 2003 sehingga hari ini; dan
  - (b) berapakah jumlah anggota polis baru dipilih di sepanjang tahun 2006/2007.
46. PN-1143-L3914  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah apabila menghadiri kursus atau seminar para guru tidak layak menuntut kos perbatuan malah hanya layak mendapatkan kemudahan menuntut untuk satu tempat duduk dalam teksi sahaja.
47. PN-1143-L4132  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
- (a) sepanjang tahun 2006-2007, berapa banyakkah lesen baru yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) membabitkan bas ekspres, bas henti-henti dan bas sekolah serta pecahan jumlahnya mengikut kaum; dan
  - (b) sehingga kini, berapa banyakkah bilangan lesen kenderaan perdagangan yang telah dibatalkan serta bilangan bagi kes-kes rayuan yang masih belum diluluskan.

48. PN-1143-L4177  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah undang-undang yang mendiskriminasikan wanita akan dibawa ke Parlimen untuk dipinda supaya tiada lagi undang-undang yang mendiskriminasikan hak wanita seperti yang dinyatakan oleh YAB. Perdana Menteri.
49. PN-1143-L3991  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tahap keselamatan maklumat-maklumat 'confidential' mengenai pengguna yang melanggan Sistem Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan (PEMUDAH) dan memang diakui sistem ini akan dapat membantu melicinkan proses pemindahan milik hartanah dan pengeluaran lesen dan permit perniagaan.
50. PN-1143-L3714  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peratusan penuntut dewasa ataupun 'mature-age student' yang mendaftar bagi pengajian sepenuh masa di IPTA-IPTA bagi mengikuti kursus peringkat sarjana/'postgraduate' dan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan dan skim galakan atau biasiswa bagi menggalakkan lebih ramai penuntut dewasa mengikuti kursus peringkat sarjana sepertimana yang berlaku di negara-negara membangun yang sering menerima ramai penuntut dewasa bagi pengajian peringkat sarjana memandangkan mereka ini berpengalaman dari pelbagai aspek.
51. PN-1143-L3801  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah memantau isu label HALAL serta kaedah pengeluarannya. Mengapa akhir-akhir ini semakin banyak pengilang terutamanya dari pihak bukan Islam yang begitu berani mengeluarkan tanda HALAL sendiri dan menggunakan kebenaran HALAL yang telah tamat tempohnya tanpa mendapat kelulusan dari pihak JAKIM.
52. PN-1143-L3838  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah sebab Kerajaan tidak memberi bantuan kerusi dan meja kepada sekolah bantuan modal SJK (C) dan SJK (T) padahal sekolah-sekolah tersebut adalah sekolah Kerajaan juga.
53. PN-1143-L3815  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat manakah pertambahan dalam peratusan wanita yang bekerja di peringkat pembuat keputusan dipengaruhi pertambahan akses ke pendidikan tinggi, berkenaan dengan usaha Kerajaan bagi membangunkan modal insan kelas pertama dan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

54. PN-1143-L3783  
**Puan GK Loga Chitra** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jurusan-jurusan yang telah dimansuhkan di IPTA sepanjang pengambilan 2007 untuk mengatasi masalah lambakan graduan.
55. PN-1143-L4432  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah untuk memajukan kawasan luar bandar melalui tanaman getah dan kelapa sawit kepada peneroka-peneroka di Sabah yang mempunyai tanah melebihi 10 ekar. Apakah mereka (peneroka) perlu mendaftar dalam koperasi atau membuka koperasi baru.
56. PN-1143-L4385  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik mengenai program-program untuk warga emas yang tidak berupaya untuk menyara hidup mereka. Berapa ramaikah yang telah mendapat bantuan dari program ini, berapakah jumlah peruntukan tahunannya dan apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan.
57. PN-1143-L3957  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan strategi Kementerian untuk mempromosi dan menyokong produk-produk pelancongan dari negeri-negeri, misalnya Rainforest Music Festival di Sarawak. Memandangkan potensi pelancongan bukan saja menguntungkan negeri berkenaan tapi juga negeri-negeri lain dan negara keseluruhannya jika strategi yang lebih besar, agresif dan teratur dibuat, apakah langkah-langkah Kementerian seterusnya.
58. PN-1143-L4004  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah untuk mereka yang berpendapatan rendah tetapi ada sesetengah penduduk rumah pangsa ini memiliki kereta mewah serta mempunyai rumah mereka sendiri sedangkan rakyat yang memerlukan tempat tinggal sebegini diketepikan haknya.
59. PN-1143-L4407  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kerajaan telah memutuskan untuk membeli kapal angkasa, Soyuz TMA-11, yang ditawarkan oleh Kerajaan Rusia yang membawa angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Datuk Sheikh Mustapha.
60. PN-1143-L4050  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang dan pendek yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih, khususnya di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

61. PN-1143-L4159  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan betapa serius masalah Mat Rempit dan inisiatif-inisiatif dan koordinasi Kementerian dengan jabatan atau badan-badan lain untuk membanteras gejala sosial ini.
62. PN-1143-L3881  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menangguhkan penggunaan Bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Matematik dan Sains dalam UPSR 2008 yang akan datang.
63. PN-1143-L3737  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) bilangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah memperoleh peruntukan atau geran bantuan dan jumlah yang telah disalurkan dalam masa 3 tahun kebelakangan ini; dan
  - (b) bilangan dan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan bagi kaum Cina, India, Siam dan Orang Asli dalam masa 3 tahun kebelakangan ini.
64. PN-1143-L4259  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada benar bahawa lebih kurang 300 guru-guru bukan siswazah yang mengikuti kursus Ijazah Teknologi Maklumat di Universiti Terbuka Malaysia adalah tidak diiktiraf oleh Kementerian.
65. PN-1143-L4287  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa Kerajaan telah melaporkan prestasi ekonomi negara yang begitu baik tetapi harga barang-barang keperluan tetap naik dengan mendadak. Bagaimana Kementerian menangani inflasi yang semakin meningkat.
66. PN-1143-L4245  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan statistik jumlah kes jenayah juvana bagi tahun 2005 dan 2006 dan apakah jenis jenayah juvana yang tertinggi.
67. PN-1143-L4392  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan harga sarang burung di pasaran Hong Kong dan China telah meningkat disebabkan oleh kekurangan bekalan dari Indonesia, Thailand dan Malaysia telah dikenal pasti sebagai rantau yang berpotensi untuk penternakan sarang burung. Apakah tindakan yang telah diambil untuk menggalakkan SME (Small and Medium Entrepreneur) untuk melabur dan membawa lebih eksport sarang burung di pasaran antarabangsa.

68. PN-1143-L4142  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilangan langganan internet jalur lebar (broadband) terkini dan peratus penduduk negara yang menikmati kemudahan ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 38/2007) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [ 5 Disember 2007 ]**

**(Menteri Kewangan)**

2. PN-1143-U4231  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

**(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.138	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	6 Disember 2007
ST.160	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	6 Disember 2007
ST.163	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Kereta Api (PAK) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	6 Disember 2007
ST.169	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	6 Disember 2007
ST.170	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	6 Disember 2007
ST.171	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	6 Disember 2007